

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR.MAKIN @ MARCUS MOJIGOH  
[PUTATAN]**

**SOALAN :**

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

(a) apakah pendirian Kerajaan ke atas apa yang dikatakan oleh sesetengah pihak bahawa 'Whistle Blower' akan teraniaya dan sekaligus menghalang pemberi maklumat untuk melaporkan sebarang salah laku; dan

(b) apakah definisi pemberi maklumat atau 'whistle blower' yang dilindungi dalam Akta Kerahsiaan.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

(a) Pendirian Kerajaan adalah amat jelas terhadap menjaga kepentingan 'pemberi maklumat' atau '*whistle blower*' apabila Akta

Perlindungan Pemberi Maklumat diluluskan pada tahun 2010 di bawah inisiatif NKRA Membanteras Rasuah. Akta ini diwujudkan untuk melindungi sesiapa sahaja samada dari sektor awam, swasta mahupun orang awam yang tampil melaporkan sebarang salah laku atau kelakuan tidak wajar yang mereka ketahui berlaku di sekeliling mereka. Sebagai contoh, Seksyen 10(6) kepada Akta memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang didapati mengambil tindakan yang memudaratkan terhadap '*whistle blower*' atau 'Pemberi Maklumat', adalah melakukan suatu kesalahan yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM100,000.00 atau dipenjarakan tidak melebihi 15 tahun atau kedua-duanya.

Bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) telah dilantik sebagai agensi yang mengkoordinasikan pelaksanaan Akta serta merupakan sekretariat kepada Jawatankuasa Pelaksanaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat dan sekaligus bertindak sebagai agensi rujukan dalam pelaksanaan Akta ini termasuk menyelaras penyediaan garis panduan pelaksanaan di kalangan agensi pelaksana. Bagi menjaga kerahsiaan pemberi maklumat dan maklumat yang didedahkan, adalah menjadi suatu kewajipan kepada kedua-dua pihak iaitu pemberi maklumat dan pegawai penerima maklumat untuk mematuhi garis panduan pelaksanaan agar identiti pemberi maklumat sentiasa dilindungi dan tidak didedahkan.

(b) Perkataan 'Pemberi Maklumat' atau 'Whistle Blower' juga wujud di dalam beberapa Akta seperti Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 selain dari Akta

Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dan beberapa akta lain. Walau dalam mana-mana peruntukan undang-undang sekalipun, ia membawa maksud yang sama iaitu seseorang yang mempunyai maklumat mengenai salah laku dan melaporkannya kepada agensi yang diberikan kuasa untuk menyiasat dan mengambil tindakan. Pemberi maklumat adalah seseorang yang memberi maklumat secara sulit dan tidak mahu identiti dirinya terdedah. Seksyen 24 kepada Akta Rahsia Rasmi 1972 dengan jelas memperuntukkan mengenai perlindungan kepada Pemberi Maklumat manakala Seksyen 17A Akta yang sama juga memperuntukkan bahawa seseorang pemberi maklumat yang dituduh di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 tidak boleh disabitkan sekiranya beliau membuktikan bahawa dia melakukan perkara itu dalam menjalankan tugas rasminya atau dengan kuasa yang sepatutnya.

Walaupun bagaimanapun, Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 ini hanya terpakai sekiranya pemberi maklumat menyalur/memberi maklumat melalui saluran sepertimana yang termaktub di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat. Selain itu, pemberi maklumat tidak akan menerima perlindungan sekiranya sesuatu maklumat itu disalurkan melalui pendedahan awam (*public disclosure*) seperti saluran media cetak dan media sosial kerana cara sebegini melanggar kerahsiaan pemberi maklumat.

Sekian, terima kasih.